

# EKSPRESI SENI

ISSN: 1412-1662  
Volume 17,  
Nomor 2,  
November 2015

Jurnal Ilmu Pengetahuan dan Karya Seni

Husni Mubarat

AKSARA *INCUNG* KERINCI SEBAGAI SUMBER IDE PENCIPTAAN SENI KRIYA

Diah Rosari Syafrayuda

EKSISTENSI TARI *PAYUNG* SEBAGAI TARI MELAYU MINANGKAU DI SUMATERA BARAT

Nursyirwan

KESENIAN *RARAK (CALEMPONG)* SUDUT PANDANG FUNGSI DAN GUNA  
DI DESA SEBERANG TALUK KUANTAN SINGINGI RIAU

Evi Lutfiah

"PERMAINAN BOLA API (*BOLES*)" ANTARA SAKRAL DAN PROFAN  
DI PONDOK PESANTREN *DZIKIR AL-FATH* SUKABUMI

Lina Marlina Hidayat

*CINGCOWONG*: UPACARA RITUAL MEMINTA HUJAN DI DESA LURAGUNG LANDEUH  
KECAMATAN LURAGUNG KABUPATEN KUNINGAN

Rahmad Washinton

VISUALISASI MOTIF *ITIAK PULANG PATANG* PADA KRIYA KAYU

Ranelis & Rahmad Washinton

KERAJINAN *RENDO BANGKU KOTO GADANG* SUMATERA BARAT

Rizki Rahma Dina

MAKNA DAN NILAI FILOSOFIS MASYARAKAT PALEMBANG YANG TERKANDUNG  
DALAM BENTUK DAN ARSITEKTUR RUMAH LIMAS

Connie Lim Keh Nie

LAGU POP *BIDAYUH BUKAR SADONG* DI SERIAN, SARAWAK, MALAYSIA

Dini Yanuarmi

DAMPAK SENI BORDIR KOMPUTER DI BUKITTINGGI SUMATERA BARAT

EKSPRESI  
SENI  
Jurnal Ilmu Pengetahuan dan Karya Seni

Vol. 17

No. 2

Hal. 165 - 323

Padangpanjang,  
November 2015

ISSN  
1412-1662

Diterbitkan Oleh  
Institut Seni Indonesia (ISI) Padangpanjang

# JURNAL EKSPRESI SENI

Jurnal Ilmu Pengetahuan dan Karya Seni

ISSN: 1412 – 1662 Volume 17, Nomor 2, November 2015, **hlm. 165 - 323**

---

Terbit dua kali setahun pada bulan Juni dan November. Pengelola Jurnal Ekspresi Seni merupakan sub-sistem LPPMPP Institut Seni Indonesia (ISI) Padangpanjang.

---

**Penanggung Jawab**

Rektor ISI Padangpanjang

Ketua LPPMPP ISI Padangpanjang

**Pengarah**

Kepala Pusat Penerbitan ISI Padangpanjang

**Ketua Penyunting**

Afizal Harun

**Tim Penyunting**

Elizar

Sri Yanto

Surhemi

Adi Krishna

Emridawati

Harisman

Rajudin

**Penterjemah**

Novia Mumi

**Redaktur**

Saaduddin

Liza Asriana

Ermiyetti

**Tata Letak dan Desain Sampul**

Yoni Sudiani

**Web Jurnal**

Ilham Sugesti

---

Alamat Pengelola Jurnal Ekspresi Seni: LPPMPP ISI Padangpanjang Jalan Bahder Johan  
Padangpanjang 27128, Sumatera Barat; Telepon (0752) 82077 Fax. 82803; e-mail;  
red.ekspresiseni@gmail.com

**Catatan.** Isi/Materi jurnal adalah tanggung jawab Penulis.

Diterbitkan oleh

**Institut Seni Indonesia Padangpanjang**

# JURNAL EKSPRESI SENI

## Jurnal Ilmu Pengetahuan dan Karya Seni

ISSN: 1412–1662 Volume 17, Nomor 2, November 2015, **hlm. 165 - 323**

---

### DAFTAR ISI

PENULIS	JUDUL	HALAMAN
<b>Husni Mubarat</b>	Aksara <i>Incung</i> Kerinci Sebagai Sumber Ide Penciptaan Seni Kriya	165 - 179
<b>Diah Rosari Syafrayuda</b>	Eksistensi Tari Payung Sebagai Tari Melayu Minangkabau di Sumatera Barat	180–203
<b>Nursyirwan</b>	Kesenian <i>Rarak (Calempong)</i> Sudut Pandang Fungsi dan Guna di Desa Seberang Taluk Kuantan Singingi Riau	204–221
<b>Evi Lutfiah</b>	“Permainan Bola Api ( <i>Boles</i> )” Antara Sakral dan Profan di Pondok Pesantren Dzikir Al-Fath Sukabumi	222–229
<b>Lina Marliana Hidayat</b>	<i>Cingcowong</i> : Upacara Ritual Meminta Hujan di Desa Luragung Landeuh Kecamatan Luragung Kabupaten Kuningan	230–243
<b>Rahmad Washinton</b>	Visualisasi Motif <i>Itiak Pulang Patang</i> Pada Kriya Kayu	244–258
<b>Ranelis Rahmad Washinton</b>	Kerajinan <i>Rendo Bangku Koto Gadang</i> Sumatera Barat	259–274
<b>Rizki Rahma Dina</b>	Makna dan Nilai Filosofis Masyarakat Palembang yang Terkandung dalam Bentuk dan Arsitektur Rumah Limas	275–282
<b>Connie Lim Keh Nie</b>	Lagu Pop Bidayuh Bukar Sadong di Serian, Sarawak, Malaysia	283–304
<b>Dini Yanuarmi</b>	Dampak Seni Bordir Komputer di Bukittinggi Sumatera Barat	305-323

---

Berdasarkan Peraturan Direktur Jenderal Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan Kebudayaan Republik Indonesia Nomor 49/Dikti/Kep/2011 Tanggal 15 Juni 2011 Tentang Pedoman Akreditasi Terbitan Berkala Ilmiah. Jurnal *Ekspresi Seni* Terbitan Vol. 17, No. 2 November 2015 Memakaikan Pedoman Akreditasi Berkala Ilmiah Tersebut.

# LAGU POP BIDAYUH BUKAR SADONG DI SERIAN, SARAWAK, MALAYSIA

Connie Lim Keh Nie

Cassie Boxleitner Ak Bain  
Department of Performing Arts and Production Technology  
Universiti Malaysia Sarawak  
climkn@gmail.com

## ABSTRAK

Bidayuh merupakan salah satu masyarakat yang terdapat di negeri Sarawak. Masyarakat ini mempunyai empat pecahan etnik yang utama iaitu di Bau, Serian, Lundu dan Padawan. Masyarakat ini mempunyai empat pecahan bahasa etnik iaitu Bukar-sadong di Serian, Jagoi di kawasan Bau, Biatah di kawasan Padawan dan Penrissen. Kajian ini bertumpu pada lagu popular Bidayuh yang dicipta di kawasan Serian, Sarawak yang penduduknya adalah majoriti kaum Bidayuh Bukar-Sadong dari tahun 2000 hingga 2013. Melalui kajian ini, ciri-ciri lagu pop Bidayah Bukar Sadong Serian akan dikenalpasti dari aspek tanda masa, melodi, rentak, harmoni dan struktur (*form*). Secara kesimpulan, didapati penggunaan struktur lagu yang amat terhad, penggunaan ilmu teori muzik yang terhad dalam komposisi dan penggunaan alat muzik orkestra barat yang terhad dalam komposisi lagu pop Bidayuh.

**Kata Kunci:** Muzik Popular Bidayuh, tanda masa, melodi, rentak, harmoni dan struktur (*form*)

## ABSTRACT

*Bidayuh is one of communities in Sarawak. These Bidayuh communities are divided into four main sub etnik group in Bau, Serian, Lundu and Padawan. These four sub group has its own language which is Bukar-Sadong in Serian area, Jagoi in Bau area, Biatah di Padawan and Penrissen area. This research focuses on Bidayuh popular music composed between Year 2000-2013 in Serian, Sarawak by the Bidayuh Bukar-Sadong community. Through this research, the characteristic of Bidayuh popular music will be analysed in the area of time signature, melody, rhythm, harmoni and form. As a conclusion, it is found that the usage is form structure and knowledge in music theory as well as the usage of Western orchestra instrument is very limited in Bidayuh popular music composition.*

**Keywords:** *Bidayuh popular music, time signature, melody, rhythm, harmony and form*

## **PENGENALAN**

Masyarakat Bidayuh mendiami kawasan barat daya Sarawak, terutamanya bahagian Serian, Kuching dan di barat Kalimantan. Ia terdiri daripada empat pecahan etnik iaitu Selakau atau Lara, Jagoi atau Singai, Biatah dan Bukar-Sadong. Etnik Selakau atau Lara lebih bertumpu di daerah Lundu. Pada bahagian daerah Bau, didiami oleh etnik Jagoi atau Singai. Di daerah kecil Padawan, etnik Biatah mendiamikawasan tersebut. Manakala, etnik Bukar-Sadong bertumpu di daerah Serian (Rempet, 2011).

Kaum Bidayuh merupakan etnik minoriti yang mendiami Sarawak. Populasi etnik Bidayuh hanya 8% atau 170,000 dari 2.7 juta populasi masyarakat di Sarawak. Jumlah ini meliputi etnik Selakau atau Lara, Jagoi atau Singai, Biatah dan Bukar-Sadong. Kaum Bidayuh ada menyanyikan lagu tradisional untuk musim tertentu seperti, musim menuai padi. Lagu tradisional dinyanyikan oleh lelaki dan wanita bertujuan ritual tertentu dan mendodoikan anak.

## **Pop Bidayuh.**

Lagu pop Bidayuh Bukar-Sadong bermula sejak tahun 1970-an oleh artis Bidayuh seperti *Richmond Allan Morsidi*. Lagu yang bertajuk “*Bua Putuk Para*” bukan sahaja didengar dikawasan Serian dan tetapi meliputi kawasan bukan tempat Bidayuh di Sarawak. Penyanyi pop Bidayuh bukan bermula dari muzik tradisional. Pada tahun 1930, Sir Charles Vyner Brooke melawati Kampung Skra (sic) telah dihiburkan oleh kugiran anak muda berbakat dari kampung tersebut digelar Quop Band. Sejarahnya bermula pada tahun 1938, mereka mempersembahkan lagu dalam bahasa Inggeris.

Di samping itu, lagu pop dan penyanyi pop telah mencetuskan fenomena baru pada tahun 1960, telah menarik ramai penyanyi Bidayuh dan penulis lagu mula menulis lagu pop Bidayuh untuk pertama kalinya dengan tujuan memperkenalkan muzik popular Bidayuh melalui rangkaian radio Bidayu RTM (Rensch, Rensch, Noeb, J., & Ridu, ,2006). Servis Bidayuh dalam program radio, RTM memainkan peranan penting dalam hal ini. Pendengar boleh membuat

permintaan lagu dalam program tersebut. Penyanyi yang bernasib baik dipelawa untuk membuat rakaman dengan pemilik syarikat rakaman untuk mengeluarkan album.

Menurut Urantia (2012), stesen radio Wai.fm inginkan pelbagai genre muzik yang disiarkan di radio. Hal ini demikian, kerana pihak radio telah meminta para penyanyi dan komposer Bidayuh tampil untuk mencipta dan menghasilkan lagu yang berentak lebih moden. Pihak radio akan menyiarkan apa saja jenis rentak yang diterima dari penyanyi dan komposer Bidayuh. Ini penting kerana, generasi Bidayuh moden pada masa kini lebih berminat dengan rentak yang lebih moden dan jarang sekali untuk mendengar siaran Stesen Radio Bidayuh, Wai.fm kerana hal berkaitan rentak yang dimainkan, maka mereka lebih cenderung memilih stesen radio yang lain.

### **Tinjauan Lagu pop Bidayuh Bukar Sadong, Serian**

Dalam proses pengumpulan data dalam kajian, tiga orang komposer kaum Bidayuh iaitu Encik Roger William ak Palli dari kugiran *Mezzavoce*, Encik Romina Grey

Melvin dan Encik Renais ak Robert telah ditemubual. Encik Romina Grey Melvin merupakan seorang komposer, penyanyi dan penulis lirik Bidayuh yang terkenal di Serian, Sarawak. Beliau juga telah membantu artis-artis kaum Bidayuh dalam penghasilan album. Encik Edward Sayu merupakan seorang yang bergiat aktif dalam penerbitan, rakaman dan produksi muzik Bidayuh. Nama syarikat produksi beliau ialah *All Time Best* (ATB). Beliau berpendapat bahawa muzik Bidayuh ini kebanyakannya bertujuan untuk hiburan dimajlis keramaian di Hari Gawai, Sambutan Krismas dan majlis pesta menuai dan lain-lain. Rentak balada, *twist*, joget, dangdut dan *rock n' roll* amat digemari kerana kaum Bidayuh gemar menari dipesta keramaian. Album yang mendapat sambutan adalah lagu yang berentak rancak untuk keramaian.

Selain itu, pengaruh muzik Bidayuh berasal dari lagu pop Barat seperti *twist*, dan *rock n' roll*. Lirik lagu dalam bahasa Bidayuh sahaja yang menyebabkan ia dinamakan lagu pop Bidayuh. Ini kerana tiada element muzik tradisional

Bidayuh seperti *langgie*, *birayun* dan *bajo* yang dicampur dengan muzik moden. Tiga orang komposer kaum Bidayuh menyatakan mereka mencipta dan menulis lagu dengan secara lisan dan menulis lirik dan menghasilkan bentuk lagu dalam *verse 1*, *verse 2*, *bridge*, *chorus* dan *solo*. Secara keseluruhan, didapati kepentingan menulis dan mencipta lagu pop Bidayuh bagi pemuzik dan penyanyi Bidayuh bertujuan untuk keramaian, meluahkan perasaan dan

menggambarkan sosial dan kehidupan masyarakat Bidayuh di kawasan Serian.

Sebanyak lima puluh buah lagu pop Bidayuh yang dikumpul untuk tujuan tinjauan dalam proses analisa struktur lagu. Dalam menganalisa struktur lagu, didapati kebanyakan lagu adalah dalam bentuk *binary form* (*Verse + Chorus*) dan ada lagu dalam bentuk *strophic form*. Berikut adalah senarai lagu yang diperolehi:

No.	Nama Lagu-lagu Pop Bidayuh	Tahun	Strophic form	Binary form	Ternary form
1	Aku megau amu ( <i>Aku mencari mu</i> )	2000			
2	Buhu balik lagi ( <i>Pergi datang kembali</i> )	2010			
3	Silamat bitingkah salauku ( <i>Selamat berpisah kasihku</i> )	2006			
4	Seribu sawa lagi ( <i>Seribu tahun lagi</i> )	2010			
5	Susah senang bisamah ( <i>Susah senang bersama</i> )	2000			
6	Pinyadiah amang ( <i>Pergorbanan ayah</i> )	2000			
7	Suara asung ( <i>Suara hati</i> )	2011			
8	(Uwab Nyina buran <i>Pungguk suka bulan</i> )	2010			
9	Kai ku mirati ( <i>Ku tak mengerti</i> )	2010			
10	Asung ku	2011			

	<i>(Hati ku)</i>				
<b>11</b>	Joget cap piranuk <i>(Joget Cap Pelanduk)</i>	2000			
<b>12</b>	Babeh blues <i>(Datuk blues)</i>	2000			
<b>13</b>	Dari blues <i>Lelaki blues</i>	2007			
<b>14</b>	London bridge <i>(Jambatan London)</i>	2007			
<b>15</b>	Joget massu <i>(Joget Merisik)</i>	2000			
<b>16</b>	Joget manih ceh <i>(Joget megapakah)</i>	2000			
<b>17</b>	Joget asih boh ganan <i>(Joget siapakah nama)</i>	2000			
<b>18</b>	Joget inya iti <i>(Joget orang kini)</i>	2010			
<b>19</b>	Joget pimudip aku <i>(Joget kehidupan ku)</i>	2010			
<b>20</b>	Joget amang bje sterring <i>(Joget abang sterring)</i>	2012			
<b>21</b>	Bujang serian <i>(Bujang serian)</i>	2010			
<b>22</b>	Dayung bidayuh <i>(Gadis bidayuh)</i>	2000			
<b>23</b>	Kecewa rangkai <i>(Kecewa merana)</i>	2000			
<b>24</b>	Mung anih boh langkah <i>(Apalah daya)</i>	2000			
<b>25</b>	Tayung baji <i>(Nenek marah)</i>	2012			
<b>26</b>	Bunga Maya <i>(Bunga semalu)</i>	2013			
<b>27</b>	Balik mah salau <i>(Kembalilah kekasihku)</i>	2004			
<b>28</b>	Memori kasam dihan <i>(Memori tempoyak)</i>	2004			
<b>29</b>	Mana nuh asat <i>(Bukan tak betul)</i>	2006			
<b>30</b>	Pait sidi bicinta <i>(Pahit manis bercinta)</i>	2006			
<b>31</b>	Cinta curi ayam <i>Cinta curi ayam</i>	2011			
<b>32</b>	Tayung baji bigawai	2012			




	<i>(Nenek marah di Hari Gawai)</i>				
33	Salau bayuh manug <i>(Kekasih belum tiba)</i>	2007			
34	Dayung selau <i>(Gadis kekasih)</i>	2000			
35	Dayung Missi <i>(Gadis Jururawat)</i>	2000			
36	Mina amu cinta ku <i>(Hanya kau cintaku)</i>	2000			
37	Sumazau adi <i>(Sumazau adik)</i>	2007			
38	Balik mah ku ngampan <i>(Kembalilah ku menanti)</i>	2000			
39	Miss Sanuh <i>(Cik Sanuh)</i>	2012			
40	Darud Sadung <i>(Gunung Sadung)</i>	2000			
41	Bisindi lagi <i>(Bersama kembali)</i>	2010			
42	Kandam asung <i>(Sakiti hati)</i>	2011			
43	Aku masih sayang <i>(Aku masih sayang)</i>	2000			
44	Salau asung ku <i>(Kekasih hatiku)</i>	2000			
45	Surat papar <i>(Surat perpisahan)</i>	2004			
46	Kisah duweh dunia <i>(Kisah dua dunia)</i>	2012			
47	Pirangai <i>(Perangai)</i>	2012			
48	Tanun sinahing <i>(Kisah sinahing)</i>	2011			
49	Niena <i>(Niena)</i>	2004			
50	Babai Lew <i>(Datuk Lew)</i>	2010			

**Jadual 1:**


Senarai lagu pop Bidayuh Bukar Sadong Serian dalam tahun 2000-2014

*Binary form* bermaksud bentuk lagu yang diwakili sebagai *statement* (A) dan *counterstatement* (B). Dalam sesebuah komposisi yang melibatkan penggunaan *binary form*, ia boleh disusun secara AAB, ABB dan AABB. Rajah 1 menunjukkan struktur lagu pop Bidayuh dalam bentuk *binary form*. Dalam proses transkrip lima buah lagu tersebut, hampir semua pembukaan lagu menggunakan

improvisasi gitar elektik. Terdapat juga lagu yang menggunakan improvisasi gitar elektik untuk bahagian *bridge* untuk kembali ke bahagian *verse 2*. Bahagian *interlude* juga menggunakan improvisasi gitar elektik dan diiringi *strings* yang dimainkan keyboard elektrik membawa melodi.



**Rajah 1.**  
Form lagu Asal dalam transkripsi



**Rajah 2.**  
Form lagu Asal dalam transkripsi stropic form.

Untuk kajian ini, temubual telah dijalankan dengan Encik Romina Grey Melvin merupakan komposer, produser, dan memiliki studio rakaman khas untuk artis Bidayuh membuat rakaman lagu. Tahap tertinggi dalam muzik beliau ialah sijil

Gred 5 Piano Teori dan Pratikal. Selain itu, beliau juga sebagai pemain dram untuk kugiran Bidayuh *Missfire*. Beliau mula bergiat dari tahun 1997 dalam *home studio*, dan beraktif sejak tahun 2006 sehingga mula merakam, mengeluarkan album artis Bidayuh

yang berjudul “*Bujang Serian*” pada tahun 2010 dan membantu untuk album “*The Gurus*” pada tahun 2010. Beliau juga merupakan komposer untuk album untuk album “*Bujang Serian*” dan untuk artis Bidayuh lain. Selain itu, beliau juga pernah menyertai Anugerah Muzik Dayak (AMD), menjuarai bagi Anugerah artis baru bagi kategori Bidayuh dan Anugerah Celcom degan lagu yang bertajuk “*Bisindi Lagi*” bersama kugiran “*The Gurus*”.

Selain itu, Encik Roger William ak Palli juga ditemubual. Tahap tertinggi dalam muzik beliau belajar muzik dari tahun 1982 hingga tahun 1987 di *Sarawak Music School* dan memperoleh Gred 4 dalam *Organ Music*. Beliau merupakan salah seorang daripada pemain bass dan ketua dari kumpulan rock Bidayuh iaitu *Mezzavoce*. Beliau juga melibatkan diri dalam penghasilan komposisi lagu dan lirik lagu untuk kumpulan beliau. Kumpulan *Mezzavoce* telah bergiat aktif dalam industri muzik Bidayuh sejak tahun 2010. Kumpulan ini amat terkenal dengan lagu *hard rock* Bidayuh yang bertajuk “*Pirangai*” dan “*Asung Ku*”

dalam Juara lagu Bidayuh 2013. Selain itu, kugiran beliau pernah menjadi naib juara dalam pertandingan “*Show your talent*” yang bertempat di Dewan Masyarakat Serian pada tahun 1992. Kugiran beliau juga pernah menjadi wakil kugiran Bidayuh untuk membuat persembahan di Anugerah Muzik Dayak (AMD) pada tahun 2014 bertempat di BCKC Kuching. Untuk aktiviti yang terbaru ialah menyertai *Bidayuh Music Festival (BAMA)* yang berlangsung pada 23 dan 24 Mei 2015 di Serian.

Encik Renais ak Robert, seorang komposer dan penyanyi lagu pop Bidayuh dari kugiran *Syndora*. Beliau mula menyertai kugiran *Syndora* pada tahun 2005 sehingga kini. Kugiran ini tersenarai dalam finalis Radio Wai.Fm dengan lagu berjudul “*Aduhai alahai*” pada tahun 2007. Lagu ciptaan beliau juga pernah tercalon dalam Juara Lagu Bidayuh pada tahun 2008 yang dianjurkan radio Bidayuh Wai. Fm yang bertempat di Kampung Bunan, Serian. Beliau juga pernah mengeluarkan album Gawai pada tahun 2012 bersama *All Time Best (ATB)*. Pencapaian yang terbaru ialah menjuarai Carta Lagu Bidayuh

pada tahun 2014 dengan lagu bertajuk “Amu”.

**Ciri-ciri komposisi lagu Pop Bidayuh Bukar-Sadong.**

Sebanyak lima lagu pop Bidayuh Bukar Sadong Serian (Rujuk

Jadual 2) telah dipilih dari kategori rentak yang belainan untuk mewakili setiap genre popular untuk dianalisa dan diterangkan secara terperinci dari segi tanda masa, melodi lagu, rentak dan harmoni.

<b>Lagu Pop Bidayuh Bukar-Sadong.</b>		
<b>Tajuk</b>	<b>Genre</b>	<b>Sinopsis</b>
Joget Asih Boh Ganan	<b>Joget</b>	Dikeluarkan pada tahun 2000 .Lirik dalam bahasa Bidayuh.
Babai Lew	<b>Twist</b>	Dikeluarkan pada tahun 2010. Lirik dalam bahasa Bidayuh. Tempo <i>moderato</i> .
Silamat bitingkah salau ku	<b>Balada</b>	Dikeluarkan pada tahun 2004. Lirik dalam bahasa Bidayuh. Tempo <i>largo</i> dan <i>time signature</i> 6/8.
Darud Sadung	<b>Slow rock</b>	Dikeluarkan pada tahun 2000.Lirik dalam bahasa Bidayuh. <i>Time signature</i> 4/4. dan Tempo <i>andante</i> .
Tanun Sinahing	<b>Hard rock</b>	Dikeluarkan pada tahun 2012. Lirik dalam bahasa Bidayuh dan dikeluarkan untuk RTM Broadcasting.

**Jadual 2.**  
Lagu Pop Bidayuh Bukar Sadong dari genre yang berbeza

### Tanda Masa

Lagu pop Bidayuh yang bertajuk “*Silamat biringkah salau ku*” didapati dalam tanda masa dalam 6/8. Genre lagu ini dalam *ballad* 6/8. Manakala lagu yang bertajuk “*Tanen Sinahing*” pada rajah 3, tanda masa lagu ini dalam 4/4. Genre bagi lagu ini ialah *speed metal*. Tempo lagu ini

ialah 120 bpm. Kebanyakan lagu pop Bidayuh menggunakan tanda masa dalam 4/4 dalam lagu yang berentak *twist* dan *slow rock*. Pada rajah 6, lagu yang bertajuk “*Babai lew*”, tanda masa dalam 4/4. Ia merupakan rentak yang rancak untuk majlis keramaian.

### Silamat biringkah salau ku

O.A -Acid ram  
Transcribe by Cassie BL

♩ = 54

♩ = 54

6

Rajah 3  
Transkripsi keratan lagu ‘*Silamat biringkah salau ku*’

### Tanun Sinahing

Mezzavoce

O.A Mezzavoce  
Transcribe by Caze

The musical score for 'Tanun Sinahing' is presented in three systems. Each system includes a vocal line (treble clef) and a piano accompaniment (grand staff). The tempo is marked as quarter note = 120. The first system is labeled 'Intro' and features a key signature of one flat and a 4/4 time signature. The second and third systems continue the piece with a first ending bracket over the final measures.

**Rajah 4 .**  
Transkripsi keratan lagu ‘*Tanun Sinahing*’

### Darud Sadung

Hayn Stingray

Hayn Stingray  
transcribed by CassieX

The musical score for 'Darud Sadung' is a multi-instrumental arrangement. It includes staves for Melodi (vocal line), Piano, Gitar (Electric and Acoustic), Bass, and Druan (Drum). The tempo is marked as quarter note = 70. The score is divided into two main sections, A and B. Section A includes lyrics: 'angin da ngamboi bi arah kah agah da taban nyalu - ujan da jatu bi nabi mah asung da masih nyalu -'. Section B includes lyrics: 'heken dengan sid aung ku plapasom budu pak ku marah langlah si mah pinyangka'. Chord progressions are indicated above the melodic line, and guitar fretting diagrams are provided for the electric guitar part.

**Rajah 5.**  
Transkripsi keratan lagu ‘*Darud Sadung*’

## Babai Lew

Paul Kapa/Hunters Paul Kapa  
CassieX

Verse 1

♩ = 150

Voice

mi lang ngun dah — pingi rami da ta

Piano

Electric Guitar

Bass Guitar

Drum Set

♩ = 150

### Rajah 6.

Transkripsi keratan lagu 'Babai Lew'

#### Melodi Lagu Pop Bidayuh Bukar-Sadong.

Motif melodi lagu pop Bidayuh pada verse 1 dan verse 2 lagu "Babai Lew" adalah dalam genre *twist*. Pada rajah 9 menunjukkan motif melodi lagu *slow rock* Bidayuh. Motif yang digunakan ialah pengulangan ritma dengan lirik yang berbeza. *Slow rock* dalam istilah para komposer lagu pop Bidayuh menyatakan bahawa perlu disertakan dengan lirik yang bermakna dan tema lagu yang

berkaitan cinta dan sedih. Pada rajah 9, lagu yang bertajuk "Darud Sadung" menunjukkan lirik yang disampaikan dalam bahasa kiasan. Motif yang digunakan ialah pengulangan ritma dengan lirik yang berbeza. Hal ini kerana setiap baris lirik dapat diingati para pendengar khususnya lagu yang berentak *twist* dan joget berfungsi sebagai lagu untuk keramaian. Pada rajah 8 dan rajah 10, motif yang digunakan adalah sama iaitu pengulangan sahaja.

## BABAI LEW

PAUL RAPA/MONTRES PAUL RAPA  
CASSEKX

$\text{♩} = 150$  A VERSE 1 D D G

MI LANG NGUN DAH PINGI RAMI DA TA NGAN BI SUNGL RI MU

5 A D D G

DA BEH LEW NYAP KALAL MANTEG SA MAH BI JOGET SA MAH BI LAGU

9 A A VERSE 2 D D

MIS TI MA KAT BI MA IN MA SU

**Rajah 7.**  
Keratan melodi lagu pop Bidayuh Bukar Sadong 'Babai Lew'

## SILAMAT BITINGKAH SALAU KU

VERSE 1+VERSE 2 ACID RAIN  
CASSIEPTA

$\text{♩} = 66$  f f C

ANIH ASAH DAYUNG KU TUHAI DIH KAL BIDAPUD  
MUNG SI TI MAH DA RI KU KU FOR SLA LU TIAN AMU

5 B $\flat$  C f f

ASUNG PI TL MERE RINDI

9 PRE CHORUS Am Am Dm Dm

SUDI PAH PIRA NIH

13 Dm Am Am B $\flat$

KAN ADIH BI TUNANG

**Rajah 8**  
Keratan melodi lagu pop Bidayuh Bukar Sadong 'Silamat Bitingkah Salau Ku'



**DARUD SADUNG**

HAYN STINGRAY  $\text{♩} = 70$  HAYN STINGRAY  
TRANSCRIBED BY CASSIEX

EXPRESS (A) A C#m D F E A (B) D E

ANGIN DA NGOMBOI ANIKRAH AGAH DA TABAN BEKEN DENGAN SIDI ASUNG KU PLAPASMU  
UJANDA JATU BINABI MAH ASUNG DA MASIH NYALU... LANGKAH SITIMAH PINYUNGKA

5 1. A 2. A D E A C#m F#m E

BOHU PAR KU MANIH MU AMU NULIS SURAT NUG AKU PIDAAN KUON BIDINGAN DA MADA

**Rajah 9.**  
Keratan melodi lagu pop Bidayuh Bukar Sadong ‘Darud Sadong’

**JOGET ASIH BOH GANAN**

ALON LUPENG/SPIT FIRE ALON LUPENG

$\text{♩} = 110$  Verse 1, 2 (A) D D G

ASIH BOH GANAN DA YUNG TI MUNGUN TIBU...NUH BUDA... RUPONG NUH MAN

5 D D D G  
CUNG... ASIH BOH GANAN DA YUNG TI MUNGUN TIBU...NUH BUDA... RUPONG... NUH MAN

9 D (B) G Gm D Bm Em A  
CUNG BURUH NUH AMBUH NGI LAMPE KA NANG... TANGAH... SI JUHO MUNG DA YUNG KUMANG...

13 D G Gm D Bm Em A  
... BURUH NUH AMBUH NGI LAMPE KA NANG... TANGAH... SI JUHO MUNG DA YUNG KUMANG

**Rajah 10 .**  
Keratan melodi lagu pop Bidayuh Bukar Sadong ‘Joget Asih Boh Ganan’

**Rentak.**

joget pada istilah kugiran Bidayuh.

**(i) Joget.**

Tanda masa bagi lagu joget ini ialah

Rajah 11 menunjukkan rentak joget yang dimainkan kugiran Bidayuh. Ritma bass dan dram memainkan peranan dalam rentak

4/4. Selain itu, ada juga rentak joget lagu Bidayuh yang dalam tanda masa 2/4.



**Rajah 11.**

Keratan rentak joget dalam lagu pop Bidayuh

**(ii) Twist.**

Pada rajah 12 menunjukkan ritma dram dan bass memainkan peranan dalam lagu *twist* Bidayuh. Ritma gitar elektrik yang dimainkan

pada *syncopation*. Ritma pada keyboard juga dimainkan secara berterusan seperti yang ditunjukkan dalam rajah 12.

**Babai Lew**

Paul Kapa/Hunters

Paul Kapa  
CassieX



**Rajah 12.**

Keratan rentak *twist* dalam lagu pop Bidayuh

(iii) *Slow rock*.

Tanda masa bagi lagu *slow rock* Bidayuh ialah 4/4. Dram dan bass memainkan peranan. Kord yang

digunakan dalam lagu *slow rock* Bidayuh selalunya pada *major* atau *minor key*. (rajab 13)

**Darud Sadung**

Hayn Stingray  
transcribed by CassieX

Hayn Stingray  
transcribed by CassieX

Expression **A** A C#m D F E

Melodi  
angin da ngunboi anih kah ngah da taban nyalu...  
tyau da jatu bi nabi mah asung da masih nyalu...

Piano

Gitar I iii IV VI V

Bass

Drum

**B** A D E 1. A 2.

beken dengan sisi asung ku pipasamu bulu pak ku manih...  
langkah sati mah pinyungka

**Rajah 13.**  
**Keratan rentak *slow rock* dalam lagu pop Bidayuh**

(iv) *Balada*.

Pada rajah 14, tanda masa lagu balada Bidayuh yang ditunjukkan

adalah dalam 6/8. Kebanyakan lagu balada Bidayuh juga dalam tanda masa 4/4. Pengaruh rentak balada ini adalah dari lagu balada Barat.

## SILAMAT BITINGKAH SALAU KU

Harry&Stephanie

Patrick ACID RAIN

verse 1-verse 2

Anih agah dayung ku tubai dih kai bodapud asung

The score consists of a vocal line and piano accompaniment. The piano part features a rhythmic pattern of eighth notes in the right hand and a steady bass line in the left hand. The key signature has one flat, and the time signature is 4/4.

**Rajah 14.**

Keratan rentak balada dalam agu pop Bidayuh

(v) *Hard rock.*

Dalam lagu pop Bidayuh yang bergenre *hard rock*, dram, bass, keyboard dan gitar elektrik lazimnya

digunakan. Ini atas pengaruh dari lagu-lagu *hard rock* Barat. Tanda masa yang digunakan dalam 4/4. Temponya juga dalam yang rancak iaitu *allegro*.

Papeng Mezzavoce

verse 1

aduh siasa dia sasu ngamua  
Ki - na - bis in - ya ri ma - gaa

verse 1+2

3

binas ra nyakag binas tana  
ki - ren - tok Dé ra ti - aka

The score shows a full band arrangement including electric guitar, 5-string bass guitar, and drums. The tempo is marked as quarter note = 120. The guitar parts feature a driving, rhythmic pattern characteristic of hard rock. The key signature has one flat, and the time signature is 4/4.

**Rajah 15.**

Keratan rentak hard rock dalam agu pop Bidayuh

**Harmoni**

Kord yang digunakan dalam lagu pop Bidayuh Bukar-Sadong cuma menggunakan kord *major* dan *minor key* sahaja. Penggunaan *tension chords* tidak ditemui dalam komposisi. Harmoni yang sering digunakan dalam komposisi lagu pop Bidayuh ialah kord I, IV atau I, V. Lagu yang sama

genre tidak semestinya sama pergerakan kord. Ada lagu yang mempunyai susunan kord yang teratur dinamakan (*regular bar*) dan tidak teratur (*irregular bar*). Pegerakan kord dalam lima lagu tersebut adalah disenaraikan dibawah dalam bentuk jadual.

**(i)Joget.**

<i>Measures</i>																
Tajuk Lagu	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16
<i>Joget Asih boh ganan</i>	I	V	IV	I	I	V	IV	I	I	IV	iv	I	vi	ii	V	I
<i>Joget Massu</i>	I	V	V	I	I	V	V	I	IV	I	V	I	IV	I	V	I
<i>Joget cap Piranuk</i>	I	I	I	I	ii	V	V	V	I	I	I	I	ii	V	V	V

**Jadual 3 : Pergerakan Kord dalam *verse* dan *chorus* lagu joget Bidayuh**

**(ii)Twist**

<i>Measures</i>																
Tajuk Lagu	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16
<i>Babai Lew</i>	I	I	IV	V	I	I	IV	V	I	I	IV	V	I	I		
<i>Bujang Serian</i>	I	V	IV	I	IV	I	V	I	I	V	IV	I	IV	I	V	I
<i>Susah senang adih bisamah</i>	I	IV	V	V	I	I	IV	iv	I	V	I					

**Jadual 4 : Pergerakan Kord dalam *verse* dan *chorus* lagu twist Bidayuh.**

**(iii) Slow rock**

Measures	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16
Tajuk Lagu																
<i>Darud sadung</i>	I	iii	IV	VI	V	I	iii	IV	VI	V	I	I	IV	V	I	
<i>Bisindi lagi</i>	I	I	IV	I	I	IV	vii	V	iii	vi	vii	V	I			
<i>Kandam asung</i>	i	iv	VII	III	VI	i	VI	I	VII	VI	i	VII	III	i		

**Jadual 5: Pergerakan Kord dalam *verse* dan *chorus* lagu *slow rock* Bidayuh**

**(iv) Ballada.**

Measures	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16
Tajuk Lagu																
<i>Silamat bitingkah salau</i>	I	I	V	V	IV	I	I	I	V	V	IV	I				
<i>Aku megau amu</i>	I	I	V	I	I	V	I	I	IV	V	I					
<i>Seribu sawa lagi</i>	I	iii	I	vi	V	IV	IV	V								

**Jadual 6 : Pergerakan Kord dalam *verse* dan *chorus* lagu balada Bidayuh**

**(v) Hard rock.**

Measures	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16
Tajuk Lagu																
<i>Tanun sinahing</i>	i	VI	VII	i	i	VI	VII	i	i	VI	VII	V	i			
<i>Pirangai</i>	i	i	i	i	i	VI	i	i	i	i	VI	i	i	i	i	
<i>Niena</i>	I	V	IV	I	I	V	IV	I	vi	iii	IV	VI				

**Jadual 7 : Pergerakan Kord dalam *verse* dan *chorus* lagu *hard rock* Bidayuh**

### **Analisa Lagu Pop Bidayuh Bukar Sadong**

Dari segi instrumentasi dalam pengubah lagu dalam penggunaan alat muzik, lagu pop Bidayuh hanya menggunakan gitar elektrik, bass elektrik, keyboard elektrik dan set dram. *Strings* yang dimainkan di keyboard elektrik bagi mengiringi melodi utama serta dram, gitar elektrik dan bass. Improvisasi gitar elektrik selalu kedengaran di bahagian *intro* lagu, selepas *chorus* dan *outro*. *Strings* yang dimainkan di keyboard elektrik bagi mengiringi melodi utama serta dram, gitar elektrik dan bass. Improvisasi gitar elektrik selalu kedengaran di bahagian *intro* lagu dan selepas *chorus* atau di penutupan lagu. *Melodic filler*, *melody counterpoint* dan *melody accompaniment* ada dalam lagu pop Bidayuh. Tema lirik lagu pop Bidayuh kebanyakannya berkaitan dengan kehidupan seperti cinta, cara atau gaya hidup, sosial dan pesta.

Rentak yang selalu dimainkan kugiran adalah balada, *slow rock*, joget, *rock n' roll* dan *twist*. Dalam lagu pop Bidayuh seperti *twist*, *tempo* lagu tersebut di sekitar 120 BPM. (*Beat per Minutes*). Muzik

Bidayuh ini kebanyakannya bertujuan untuk hiburan dimajlis keramaian di Hari Gawai, Sambutan Krismas dan majlis pesta menuai dan lain-lain. Dari segi ritma, lagu pop Bidayuh dimainkan dalam tanda masa 4/4. Ritma bass dan dram yang digunakan dalam *twist* dan *rock n' roll* hampir kesemuanya sama. Berbeza dengan lagu *slow rock* dan balada Bidayuh, ritma bass dan dram adalah berbeza mengikut kumpulan kugiran tersebut.

Struktur lagu pop Bidayuh banyak dalam *binary form* iaitu AB, AAB, AABBA. Pengkaji telah mendengar lagu-lagu pop Bidayuh daripada rentak dan genre yang berbeza dan mendapati pergerakan kord dalam rentak, gaya yang berbeza tetapi menggunakan pergerakan kord yang sama. Penggunaan dan pergerakan kord yang biasa digunakan dalam lagu pop Bidayuh adalah dari kord I ke V seterusnya ke kord IV dan kembali ke kord I. Ia sering kedengaran dalam lagu joget, *twist* dan *rock n' roll* Bidayuh. Pergerakan kord dalam lagu *slow rock* dan balada Bidayuh berbeza dengan pergerakan kord dalam rentak joget, *twist* dan *rock n' roll*.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhan, struktur lagu pop Bidayuh banyak dalam *binary form* iaitu AB, AABB. Melodi yang dinyanyikan juga berulang dari bahagian *verse 1* ke *verse 2* dan *chorus*. Komposer dan penyanyi pop kaum Bidayuh menyatakan sebuah lagu terdiri daripada *verse 1*, *verse 2*, *bridge*, *chorus*, *solo* dan *chorus*. Dari segi instrumentasi, lagu pop Bidayuh hanya menggunakan alat muzik asas seperti gitar elektrik, bass elektrik, keyboard elektrik dan set dram. *Brass*, *flute* atau *strings* dimainkan di keyboard elektrik sahaja untuk *melody filler* dan *accompaniment*. Lagu pop Bidayuh sangat terhad dari segi instrumentasi alat muzik orkstra Barat dalam lagu pop Bidayuh.

Setelah mendengar lagu-lagu pop Bidayuh daripada rentak dan genre yang berbeza dan mendapati pergerakan kord dalam rentak, genre yang berbeza tetapi jelas menggunakan pergerakan kord yang sama. Tema lagu yang cuba disampaikan melalui lagu tidak sampai kepada pendengar kerana cara menyampaikan atau menggambarkan emosi, perasaan melalui lagu tersebut

tidak jelas berdasarkan penggunaan kord dan pengembangan motif melodi. Melodi yang disampaikan penyanyi hampir sama dengan lagu pop Bidayuh yang sedia ada. Motif melodi juga tidak berkembang mengikut kord yang digunakan. Penggunaan kord dan pergerakan kord juga terhad dalam lagu pop Bidayuh. Penggunaan dan pergerakan kord yang biasa digunakan dalam lagu pop Bidayuh adalah: I-V- IV- I, V-I. Pergerakan kord ini sering kedengaran dalam lagu joget dan *twist* dan *rock n' roll* Bidayuh.

## **BIBLIOGRAFI**

- Adler, S. (1928). *The study of orchestration* (2nd ed.). United States of America: W.W. Norton & Company, Inc.
- Benward, B & Saker, M. (2003). *Music: In Theory and Practice, Vol. I*, Seventh Edition. New York: McGraw Hill.
- Kamien, R. (2008). *Music: An Appreciation* (9<sup>th</sup> ed.). (PP. 559-565). New York: McGraw Hill.
- Kennedy, M. (2006). *The Oxford Dictionary of Music*. (PP. 734). New York: Oxford University Press Inc.



- Kennan, K. & Grantham, D. (1952). *The technique of orchestra* (6<sup>th</sup> ed.). Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education. Inc.
- Rensch, C. R., Rensch, C. M., Noeb, J., & Ridu, R. S. (2006). *The Bidayuh language: Yesterday, today and tomorrow*. Kuching, Malaysia: Dayak Bidayuh National Association.
- Rumpet, Ziana. "Suku Kaum Bidayuh." *AGC Portal*. N.p., 2011. 4 Sept. 2014. Web.<[http://www.agc.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=973:suku-kaum-bidayuh&catid=71:admin%20a&lang=en](http://www.agc.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=973:suku-kaum-bidayuh&catid=71:admin%20a&lang=en)>.
- Urantia, Babuk. *WAlfm Bidayuh - Kitak minta bala singers dangan pencipta..* Web. 5 Mei 2012.. 12 Sept. 2014. Web.<[https://www.facebook.com/permalink.php?id=266215352547&story\\_fbid=10150748274652548](https://www.facebook.com/permalink.php?id=266215352547&story_fbid=10150748274652548)>
- Stein, L. (1962). Chapter xii Rondo forms. In *STRUCTURE AND STYLE The study and analysis of musical forms* (pp. 85-91). Evanston, Illinois: Summy-Birchard Company.

**Indeks Nama Penulis**  
**JURNAL EKSPRESI SENI PERIODE TAHUN 2011-2015**  
Vol. 13-17, No. 1 Juni dan No. 2 November

Admawati, 15	Leni Efendi, Yalesvita, dan Hasnah Sy, 76
Ahmad Bahrudin, 36	Maryelliwati, 111
Alfalah. 1	Meria Eliza, 150
Amir Razak, 91	Muhammad Zulfahmi, 70, 94
Arga Budaya, 1, 162	Nadya Fulzi, 184
Arnailis, 148	Nofridayati, 86
Asril Muchtar, 17	Ninon Sofia, 46
Asri MK, 70	Nursyirwan, 206
Delfi Enida, 118	Rosmegawaty Tindaon,
Dharminta Soeryana, 99	Rosta Minawati, 122
Durin, Anna, dkk., 1	Roza Muliati, 191
Desi Susanti, 28, 12	Selvi Kasman, 163
Dewi Susanti, 56	Silfia Hanani, 175
Eriswan, 40	Sriyanto, 225
Ferawati, 29	Susandra Jaya, 220
Hartitom, 28	Suharti, 102
Hendrizar, 41	Sulaiman Juned, 237
Ibnu Sina, 184	Wisnu Mintargo, dkk., 115
I Dewa Nyoman Supanida, 82	Wisuttipat, Manop, 202
Imal Yakin, 127	Yuniarni, 249
Indra Jaya, 52	Yurnalis, 265
Izan Qomarats, 62	Yusril, 136
Khairunas, 141	
Lazuardi, 50	

# **JURNAL EKSPRESI SENI**

**Jurnal Ilmu Pengetahuan dan Karya Seni**

**ISSN: 1412 – 1662 Volume 17, Nomor 2, November 2015**

---

Redaksi Jurnal Ekspresi Seni  
Mengucapkan terimakasih kepada para Mitra Bebestari

1. Dr. St. Hanggar Budi Prasetya ( Institut Seni Indonesia Yogyakarta)
2. Dr. G. R. Lono Lastoro Simatupang, M.A ( Universitas Gajah Mada-  
Yogyakarta)
3. Dr. Sri Rustiyanti, S.Sn., M.Sn ( Institut Seni Budaya Indonesia Bandung)

## **EKSPRESI SENI**

### **Jurnal Ilmu Pengetahuan dan Karya Seni**

Redaksi menerima naskah artikel jurnal dengan format penulisan sebagai berikut:

1. Jurnal *Ekspresi Seni* menerima sumbangan artikel berupa hasil penelitian atau penciptaan di bidang seni yang dilakukan dalam tiga tahun terakhir, dan belum pernah dipublikasikan di media lain dan bukan hasil dari plagiarisme.
2. Artikel ditulis menggunakan bahasa Indonesia dalam 15-20 hlm (termasuk gambar dan tabel), kertas A4, spasi 1.5, font *times new roman* 12 pt, dengan margin 4cm (atas)-3cm (kanan)-3cm (bawah)-4 cm (kiri).
3. Judul artikel maksimal 12 kata ditulis menggunakan huruf kapital (22 pt); diikuti nama penulis, nama instansi, alamat dan email (11 pt).
4. Abstrak ditulis dalam dua bahasa (Inggris dan Indonesia) 100-150 kata dan diikuti kata kunci maksimal 5 kata (11 pt).
5. Sistematika penulisan sebagai berikut:
  - a. Bagian pendahuluan mencakup latar belakang, permasalahan, tujuan, landasan teori/penciptaan dan metode penelitian/penciptaan
  - b. Pembahasan terdiri atas beberapa sub bahasan dan diberi sub judul sesuai dengan sub bahasan.
  - c. Penutup mengemukakan jawaban terhadap permasalahan yang menjadi fokus bahasan.
6. Referensi dianjurkan yang mutakhir ditulis di dalam teks, *footnote* hanya untuk menjelaskan istilah khusus.

Contoh: Salah satu kebutuhan dalam pertunjukan tari adalah kebutuhan terhadap estetika atau sisi artistik. Kebutuhan artistik melahirkan sikap yang berbeda daripada pelahiran karya tari sebagai artikulasi kebudayaan (Erlinda, 2012:142).

Atau: Mengenai pengembangan dan inovasi terhadap tari Minangkabau yang dilakukan oleh para seniman di kota Padang, Erlinda (2012:147-156) mengelompokkan hasilnya dalam dua bentuk utama, yakni (1) tari kreasi dan ciptaan baru; serta (2) tari eksperimen.
7. Kepustakaan harus berkaitan langsung dengan topik artikel.

Contoh penulisan kepustakaan:  
Erlinda. 2012. *Diskursus Tari Minangkabau di Kota Padang: Estetika, Ideologi dan Komunikasi*. Padangpanjang: ISI Press.

Pramayoza, Dede. 2013(a). *Dramaturgi Sandiwara: Potret Teater Populer dalam Masyarakat Poskolonial*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.

\_\_\_\_\_. 2013(b). “Pementasan Teater sebagai Suatu Sistem Penandaan”, dalam *Dewa Ruci: Jurnal Pengkajian & Penciptaan Seni* Vol. 8 No. 2. Surakarta: ISI Press.

Simatupang, Lono. 2013. *Pergelaran: Sebuah Mozaik Penelitian Seni Budaya*. Yogyakarta: Jalasutra.

Takari, Muhammad. 2010. “Tari dalam Konteks Budaya Melayu”, dalam Hajizar (Ed.), *Komunikasi Tradisi dalam Realitas Seni Rumpun Melayu*. Padangpanjang: Puslit & P2M ISI.

8. Gambar atau foto dianjurkan mendukung teks dan disajikan dalam format JPEG.

Artikel berbentuk soft copy dikirim kepada :

Redaksi Jurnal Ekspresi Seni ISI Padangpanjang, Jln. Bahder Johan. Padangpanjang

Artikel dalam bentuk soft copy dapat dikirim melalui e-mail:

[red.ekspresiseni@gmail.com](mailto:red.ekspresiseni@gmail.com)

